



**LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA**  
**SURAT PEKELILING BIL. 2/2021**

12 Ogos 2021

Kepada :

- Juruukur Bahan Consultant (CQS);
- Juruukur Bahan Professional (PQS);
- Juruukur Bahan Provisional (PVQS); dan
- Juruukur Bahan Technologist (QST).

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

<b>PROSEDUR BERKAITAN KEPERLUAN PENGUMPULAN MATA <i>CONTINUOUS PROFESSIONAL DEVELOPMENT</i> (CPD) BAGI PEMBAHARUAN PENDAFTARAN TAHUN 2022</b>
---

## 1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua ahli-ahli berdaftar Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) mengenai pindaan terhadap keperluan pengumpulan mata CPD bagi tujuan pembaharuan pendaftaran tahun 2022. Pindaan-pindaan tersebut merupakan tindakan alternatif secara pentadbiran dalam melaksanakan langkah-langkah yang bertujuan untuk membantu ahli berdaftar LJBM mengekalkan pendaftaran profesional mereka berikutan kekangan yang dihadapi oleh semua pihak dalam tempoh semasa dan pasca pandemik Covid-19.

## 2.0 TAFSIRAN

Bagi tujuan pekeling ini melainkan sekiranya konteksnya membawa maksud yang lain:

- (i) "Juruukur Bahan *Consultant*" (CQS) merupakan individu yang berkelayakan dan berdaftar sebagai *Consultant Quantity Surveyor* di bawah Seksyen 10 Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2015) dan mempunyai sijil pendaftaran yang sah.

- (ii) “Juruukur Bahan *Professional*” (PQS) merupakan individu yang berkelayakan dan berdaftar sebagai *Professional Quantity Surveyor* di bawah Seksyen 10 Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2015) dan mempunyai sijil pendaftaran yang sah.
- (iii) “Juruukur Bahan *Provisional*” (PVQS) merupakan individu yang berkelayakan dan berdaftar sebagai *Provisional Quantity Surveyor* di bawah Seksyen 10 Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2015) dan mempunyai sijil pendaftaran yang sah.
- (iv) “Juruukur Bahan *Technologist*” (QST) merupakan individu yang berkelayakan dan berdaftar sebagai *Quantity Surveying Technologist* di bawah Seksyen 10 Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2015) dan mempunyai sijil pendaftaran yang sah.

### 3.0 LATAR BELAKANG

Berikutan pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia sejak awal tahun 2020, LJBM telah mengambil maklum dan amat prihatin terhadap kesan serta norma-norma baharu yang perlu diadaptasi oleh penduduk seluruh dunia, khasnya oleh ahli-ahli berdaftar LJBM dalam menghadapi cabaran getir dalam tempoh semasa dan pacsu pandemik ini.

Sehubungan dengan itu, sebagai salah satu inisiatif prihatin bagi membantu ahli-ahli berdaftar LJBM dalam menempuhi situasi ini, LJBM ingin memaklumkan ketetapan-ketetapan baharu yang melibatkan keperluan berkaitan pengumpulan mata CPD.

Ketetapan-ketetapan ini adalah selaras dengan peruntukan 4(g) Akta Juruukur Bahan 1967 (pindaan 2015).

### 4.0 PINDAAN TERHADAP KETETAPAN KEPERLUAN PENDAFTARAN

Pindaan terhadap ketetapan keperluan pendaftaran melibatkan prosedur berikut :

#### 4.1 Keperluan Pengumpulan Mata CPD Tahun 2021

- (i) Pembaharuan Pendaftaran 2022
  - Juruukur Bahan Consultant (CQS): Keperluan **CPD DIKECUALIKAN**
  - Juruukur Bahan Professional (PQS): Keperluan **CPD DIKECUALIKAN**
  - Juruukur Bahan Provisional (PVQS) dan Technologist (QST): Keperluan **CPD DIKECUALIKAN**

- (ii) Pemasukan Semula Pendaftaran 2021:  
Keperluan **CPD DIKECUALIKAN**
  
- (iii) Keperluan CPD Pembaharuan Pendaftaran 2021 yang tidak dipenuhi :  
Keperluan **CPD DIKECUALIKAN**
  
- (iv) Mata CPD yang telah dikumpul sepanjang tahun 2021 **boleh** dibawa ke tahun 2022 dan diguna pakai untuk pembaharuan pendaftaran tahun 2023.

## **5.0 PENGUATKUASAAN DAN PELAKSANAAN**

Ketetapan-ketetapan di atas adalah berkuat kuasa dari tarikh Surat Pekeliling ini ditandatangani.

Sebarang pindaan dalam tempoh penguatkuasaan ini akan dimaklumkan secara rasmi dari semasa ke semasa.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



**PROF. (ADJUNG) DATO' Sr AZIZ BIN ABDULLAH, CQS**

Yang DiPertua

Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

12 Ogos 2021